

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



GERAKAN DAKWAH NASIONAL DAN ANTARABANGSA



MUKTAMAR NASIONAL WADAH KALI KE-18



Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah mengadakan Muktamar kali ke 18 di IDCC, Shah Alam pada 25-27 Oktober 2024. Seramai 470 orang perwakilan dan pemerhati dari Wadah seluruh negara berkampung di Shah Alam. Program MAJLIS PERSIDANGAN SALWA KEBANGSAAN mengambil waktu pagi Jumaat, 25 Oktober dihadiri lebih 150 perwakilan Salwa di seluruh negara.

Sebagaimana dalam upacara tradisi, Setiausaha Agung , Azizuddin Ahmad memulakan bicara dengan mengalu-alukan semua tetamu dan peserta seminar. Diteruskan dengan ucapan Dasar daripada Presiden WADAH, Dato Ahmad Azam Abd Rahman. Dalam ucapan dasarnya, beliau telah mengupas isu-isu semasa dan mencadangkan solusi bagi menggerakkan WADAH pada masa depan.



SEMINAR FIQH TA'AYUSH BERSEMPENA MUKTAMAR NASIONAL WADAH KALI KE-18



Dato' Prof. Dr. Muhd Nur Manutu dalam ucapan utamanya memberi garis-garis besar dalam memandu tatakelola hidup dalam komuniti ASEAN. Ianya mestilah berpandu kepada sumber AL-Quran Dan sunnah dan meraikan prinsipal madani.

25-27 Okt 2024 - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah mengadakan Muktamar kali ke 18 di IDCC, Shah Alam pada 25-27 Oktober 2024. Seramai 470 orang perwakilan dan pemerhati dari Wadah seluruh negara berkampung di Shah Alam.

Seminar bertajuk Seminar Fiqh Ta'ayush: Hidup damai dalam komuniti ASEAN telah diadakan pada 26 Oktober 2024. Seramai 9 orang ilmuan daripada ASEAN: Indonesia, Singapura, Malaysia, Brunei, Thailand, Vietnam dan Cambodia membentang idea, kajian dan pengalaman komuniti dinegara masing-masing. Sebelum itu, Dato Prof Dr Muhd Nur Manutu dalam ucapan utamanya memberi garis-garis besar dalam memandu tatakelola hidup dalam komuniti ASEAN. Ianya mestilah berpandu kepada sumber AL-Quran Dan sunnah dan meraikan prinsipal madani.



YAB Dato Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan program dengan merasmikan seminar pada tengah hari. Beliau merasakan sudah tiba masanya kita membawa pengalaman Malaysia dikongsikan dengan rakan ASEAN. Beliau juga akan memberi sokongan kepada WADAH dalam usaha-usaha menggerakkan aktiviti di ASEAN. Seterusnya beliau melancarkan 2 buku baru dari Wadahpress bertajuk Bicara AL Quran tentang status Kehambaan Manusia (Tafsir Mawdu'iy) karya Dr Siddiq Fadzil dan Islam dan Dakwah Ummah (Tadabbur ayat-ayat pilihan) tulisan Hj Abdul Halim Ismail.

Hj Azizuddin, Setiausaha Agung WADAH merangkap pengarah seminar kali ini memaklumkan seminar kali ini membariskan ilmuwan daripada negara-negara ASEAN, Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Cambodia, Vietnam bagi membincangkan dari perlbagai sudut, membuka dan mencari ruang dalam mengukuhkan budaya madani dalam komuniti asean.

ASEAN has always been described as the melting pot of different cultures, traditions and beliefs. Almost all the countries in this region consist of dozens of ethnicities and tribes, each with distinct spoken languages and cultures. Yet, we are said to have a shared identity.

Dr Surin Pitsuwan, mantan setiausaha agong asean pernah menyuarakan visi bagi menyatukan komuniti asean (one community asean). Dalam beberapa ucapannya mengenai kepentingan membina komuniti, dimana setiap negara ASEAN boleh bekerjasama secara harmoni, disebalik berbagai latarbelakang dan cabaran. Beliau percaya, bahawa kekuatan yang terdapat dalam budaya komuniti asean mampu menghadapi segala cabaran kuasa besar dan boleh hidup damai secara bersama.



ASEAN has always been described as the melting pot of different cultures, traditions and beliefs. Almost all the countries in this region consist of dozens of ethnicities and tribes, each with distinct spoken languages and cultures. Yet, we are said to have a shared identity.



MAJLIS MAKAN MALAM NAHDAH SEMPENA MUKTAMAR NASIONAL DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH TOKOH



Majlis Makan Malam Nahdah berlangsung dengan meriah sempena Muktamar Nasional di IDCC Shah Alam. Acara ini turut dihadiri oleh para pemimpin, delegasi, dan ahli komuniti dari seluruh negara.

Majlis ini bertujuan memperkuuh ukhuwah antara ahli dan memberi penghargaan kepada tokoh-tokoh yang telah memberikan sumbangan luar biasa kepada organisasi dan masyarakat.

Acara kemuncak malam tersebut adalah penyampaian Anugerah Tokoh Nahdah kepada Hj. Sulaiman Osman, Hjh. Faridah Datuk Abu Bakar Titingan, Hj. Taha Ahmad, Ustaz Mohamed Zuki Idris, dan Muhamad Isa @ Omar Haji Man yang diiktiraf atas sumbangan mereka.



MAJLIS PERWAKILAN SALWA KEBANGSAAN



Shah Alam, 25 Oktober 2024 – Majlis Perwakilan SALWA Kebangsaan (MPSK) Kali Ke-5 telah berlangsung dengan jayanya di IDCC Shah Alam menghimpunkan seramai 140 orang perwakilan dan pemerhati telah hadir daripada seluruh negara. Menyegarkan Nahdah Keawanitaan diangkat sebagai bicara MADANI kali ini. Nukilan fikrah daripada Dato' Dr. Siddiq Fadzil telah dicanaikan dengan cukup baik oleh Datin Hajah Aminah Zakaria dan Ustaz Hasri Harun.

MPSK adalah medan muhasabah bagi memastikan gerakerja dakwah dan pencerdasan umat terus subur dan berkesan. Terus istiqamah dalam saf yang kukuh dan terurus.



4TH INTERNATIONAL NGO FAIR 2024



21-23 NOV 2024- Union of NGO of Islamic World (UNIW) yang beribupejabat di Istanbul Turkiye, sekali lagi telah mengadakan 4th International NGO Fair 2024. Acara dwi tahunan ini diadakan pada 21-23 Nov 2024 bertempat di Istanbul Atatürk Airport, Terminal C, Yeşilköy, İstanbul, Türkiye.

Pameran NGO Antarabangsa adalah platform yang direka untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan organisasi masyarakat sivil dari Turki dan dunia Islam. Pameran tahun ini akan menangani isu global yang penting seperti Deklarasi Gaza, Migrasi, Keluarga dan Pengurusan Bencana.

Di pameran itu, NGO yang hadir akan berpeluang mempamerkan projek mereka, mencipta peluang kerjasama baharu di peringkat nasional dan antarabangsa, dan membangunkan idea kolektif.



PRESIDEN MELUNCURKAN PUSAT TUNAS NAHDAH CAWANGAN PERAK



9 November 2024, peluncuran Pusat Tunas Nahdah Perak telah berlangsung dengan jayanya. Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan yang penuh makna oleh Dato' Presiden, yang membuka bicara dengan sebuah kisah benar dan menyentuh hati. Beliau berkongsi tentang seorang anak sahabatnya yang, walaupun dididik dengan ajaran agama sejak kecil, akhirnya memilih untuk tidak mempercayai Tuhan apabila dewasa. Kisah ini mencerminkan realiti yang getir di mana tiada jaminan anak-anak yang dididik dengan baik hari ini akan terhindar daripada pengaruh budaya yang merosakkan di luar sana.



Dalam ucapannya, Dato' Presiden menekankan bahawa ancaman yang wujud pada masa kini tidak boleh dipandang ringan. Budaya songsang seperti liwat, rogol, zina, serta hubungan sesama jenis (gay dan lesbian) semakin menular, terutama dalam kalangan generasi muda. Teknologi, khususnya telefon bimbit, walaupun memberikan banyak kemudahan, turut menjadi pintu kepada pelbagai pengaruh negatif jika tidak dikawal dengan bijak.



Untuk menangani cabaran ini, Dato' Presiden menegaskan kepentingan komunikasi yang berterusan antara ibu bapa dan anak-anak. Beliau menyeru ibu bapa agar tidak hanya memberikan perhatian dari segi fizikal, tetapi juga membina hubungan emosional yang kuat dengan anak-anak mereka. Komunikasi berkesan adalah benteng penting agar anak-anak tidak mudah terpengaruh dengan budaya negatif yang berleluasa di luar sana.

MAJLIS PELUNCURAN BUKU KARYA DR. RAZALI NAWAWI & M. KAMAL HASSAN



Bangi, 3 Disember 2024 – Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dan Aras Mega telah berjaya menganjurkan satu majlis berprestij bagi peluncuran dua karya penting dalam dunia intelektual dan dakwah. Buku “Amanah Dakwah” oleh Allahyarham Dr. Razali Nawawi dan “Mohammad Natsir: Ilmuwan Ulung Alam Melayu Abad Ke-20” oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dr. M. Kamal Hassan telah dirasmikan dalam majlis yang penuh bermakna ini.

Majlis ini berlangsung di Bangi Avenue Convention Center (BACC), Selangor, dengan kehadiran ramai tokoh masyarakat, intelektual, dan pemimpin negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Anwar Ibrahim, telah hadir sebagai tetamu kehormat dan merasmikan peluncuran tersebut.



Dalam ucapan alu-aluan, Presiden WADAH Malaysia, YBhg. Dato’ Ahmad Azam Ab Rahman, menekankan kepentingan menghargai legasi tokoh-tokoh besar dalam bidang dakwah dan keilmuan. Menurut beliau, karya Allahyarham Dr. Razali Nawawi dan Prof. Emeritus Tan Sri Dr. M. Kamal Hassan adalah sebahagian daripada fikrah dakwah Madani yang perlu diwarisi dan dimanfaatkan. Beliau juga menyarankan agar pemikiran tokoh-tokoh seperti Mohammad Natsir dijadikan rujukan penting dalam membangunkan kefahaman Madani di seluruh negara.



BENGKEL

KEMAHIRAN KOMUNIKASI SEPARA PROFESIONAL



Bengkel Kemahiran Komunikasi Separa Profesional

20 Nov 2024 – Bengkel Kemahiran komunikasi separa profesional bersama tuan Sayed Munawar Sayed Mustar telah diadakan pada 20 Nov 2024 selama 2 jam. Kehadiran seramai 10 orang dari petugas WADAH.



**Tuan Sayed Munawar
Sayed Mustar**
Pengacara TV

Kemahiran Komunikasi Separa **PROFESIONAL**

Rabu
20 November 2024 10:00 pagi - 12:00 tengah hari
Bilik Mesyuarat, Anjung Rahmat

www.wadah.org.my



KUNJUNGAN HORMAT PIMPINAN WADAH KE PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN



30 Okt 2024 – Pimpinan WADAH yang diketuai oleh Dato' Ahmad Azam Ab Rahman telah membuat kunjungan hormat ke pejabat MUFTI Wilayah Persekutuan pada 30 Oktober 2024.

Kunjungan ini bertujuan untuk mempererat hubungan kerjasama antara Wadah dan Pejabat Mufti, serta membincangkan pelbagai inisiatif dan program dakwah yang boleh dilaksanakan bersama.

PERTEMUAN PRESIDEN WADAH BERSAMA PIMPINAN WADAH PULAU PINANG DI ANJUNG RAHMAT



5 Disember 2024, Anjung Rahmat, Bangi – Pertemuan antara Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, presiden WADAH dan Tn. Hj. Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH bersama pimpinan WADAH Pulau Pinang seramai 7 orang untuk membincangkan berkaitan pembukaan Pusat Tunas Nahdah (PTN) cawangan Pulau Pinang dan memperkuuh hubungan kerja antara Pimpinan Wadah pusat dan negeri serta membincangkan perancangan dan strategi bagi mengembangkan aktiviti dan program Wadah di Pulau Pinang.



SETIAUSAHA AGUNG WADAH MEMENUHI UNDANGAN KE USRAH WAP MELAKA



22 Nov 2024 – Setiausaha Agung Wadah (SUA) telah memenuhi undangan dari WADAH Melaka untuk mengisi slot Usrah Gabungan WAP Melaka pada 22 Nov 2024.

Program ini bertujuan untuk memperkuuh ukhuwah di kalangan ahli-ahli WAP Melaka.

MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA PUSAT



2 Nov 2024 – Mesyuarat ahli Jawatankuasa Pusat telah diadakan bertempat di Anjung Rahmat, Sungai Merab Luar, Bangi. Mesyuarat diadakan bertujuan membincangkan perkembangan terkini dan perancangan strategik organisasi. Mesyuarat dipengerusikan oleh Presiden dan dihadiri oleh 24 orang ahli jawatankuasa.

PIMPINAN WADAH HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ DAR AL-HIKMAH



28 Nov 2024 – KONVOKESYEN KOLEJ DAR AL-HIKMAH (KDH) KALI KE-25 Konvokesyen Kolej Dar Al-Hikmah (KDH) ke-25 telah berlangsung dengan penuh gemilang di Bangi Convention Centre, Bangi. Majlis ini menyaksikan seramai 100 graduan berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Diploma, melibatkan pelbagai bidang pengajian.



Majlis dirasmikan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), yang turut menyampaikan ucapan bermakna kepada para graduan. Beliau menyeru graduan agar sentiasa mempunyai minda yang terbuka dalam menghadapi masa depan. Graduan diingatkan untuk tidak terikat dengan cabaran semasa semata-mata, sebaliknya terus melangkah dengan keyakinan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang pengajian di Kolej tersebut.

PERTEMUAN ANTARA PRESIDEN DAN DATO' PROF. DR. OSMAN BAKAR, RECTOR UIA.



Pertemuan Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH bersama Dato' Profesor Osman Bakar, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pertemuan ini bertujuan untuk memperkuuh hubungan kerjasama dalam bidang pendidikan dan pembangunan masyarakat

PROGRAM KEMAHIRAN KEPIMPINAN INKLUSIF DAN PENINGKATAN EMPATI TERHADAP OKU



23 Nov 2024 – Program Kemahiran Kepimpinan Inklusif dan Peningkatan Empati Terhadap OKU telah diadakan pada 23 Nov 2024 bertempat di Dewan Banquet, Aras 5, UIAM Gombak. Program ini bertujuan untuk memperkuuh kesedaran dan kemahiran kepimpinan inklusif, khususnya dalam memahami dan mendukung keperluan komuniti OKU. Acara ini melibatkan pelbagai aktiviti, termasuk ceramah oleh pakar OKU, sesi latihan interaktif, dan simulasi pengalaman OKU.



KELAS BIMBINGAN MUALLAF OLEH DR SYED HUSSAIN ABDEEN

1 Dis 2024, Bukit Bintang – Diskusi santai bersama Dr. Syed Hussain Abdeen bertajuk "Understanding Islam as the Way of Life".

Program ini bertujuan untuk memperkuuh pemahaman asas agama Islam dan membimbing para muallaf dalam menjalani kehidupan berlandaskan ajaran Islam.



SESI BEDAH BUKU PENCERDASAN UMAT: SESI 1- ISLAM & DAKWAH UMMAH



23 Nov 2024 – Program sesi bedah buku Pencerdasan Umat siri 1 telah diadakan pada 23 Nov 2024 bertempat di Dewan Kuliah Anjung Rahmat. Sesi diadakan secara fizikal dan atas talian.



PERKONGSIAN KAUNSELING DI OUTREACH OASIS BUKIT BINTANG



8 Dis 2024, Ahad jam 10 pagi di Outreach Oasis Bukit Bintang- Telah berlangsung perkongsian kaunseling yang disampaikan oleh Dr. Norhayati Mohd Noor, Pensyarah Kanan Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia. bertempat di Outreach Oasis Bukit Bintang.

MADANI LECTURE : DISTINGUISHED SPEAKER SERIES BY SYEIKH DR.ABDAL HAKIM MURAD



4 Dis 2024, bertempat di Dewan Banquet, Kompleks Seri Perdana, Putrajaya- Telah berlangsung program ceramah Madani yang telah disampaikan oleh Syeikh Dr. Abdal Hakim Murad. di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.



KUNJUNGAN WAKIL INTERNATIONAL EDUCATIONAL SCIENTIFIC AND CULTURAL ORG KE PEJABAT WADAH

2 Disember 2024, Anjung Rahmat, Bangi-Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH dan Hj. Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH telah menerima kunjungan wakil ari Esc. ke pejabat WADAH.



FORUM SOLAT & PENGUKUHAN SEMANGAT HUBBUL WATAN



7 Dis 2024, Masjid Prima Saujana, Kajang- Telah berlangsung program Forum Solat & Pengukuhan Semangat Hubbul Watan anjuran Salwa Malaysia.

Turut hadir naib Presiden WADAH, Prof. Madya Ts Dr. Nur Izura Udzir dan Ustaz Mohd Naim Mohd Noor, EXCO WADAH Pusat sebagai panel jemputan.



PRESIDEN WADAH HADIR KE MAJLIS PEMBUKAAN RESTORAN UYGUR SARAY DI KUALA LUMPUR



Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman telah hadir ke majlis pembukaan restoran Uygur bertempat di Kuala Lumpur.

PIMPINAN WADAH SERTAI BENGKEL TOT FIQH AL-MIZAN

29-1 Disember 2024 - Bengkel Fiqh Mizan telah diadakan bertempat di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi, Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Pertubuhan Salwa Malaysia (SALWA) dan wakil NGO seluruh Malaysia telah mengambil bahagian dalam Program Bacaan Kitab Fiqh Al-Mizan yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Bengkel ini berlangsung selama tiga hari di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi,



PIMPINAN WADAH HADIR KE MAJLIS HARI KEMERDEKAAN QATAR



Dato Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH dan Tn. Hj. Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH telah hadir ke majlis Jamuan hari kemerdekaan Qatar bertempat di JWW Marriot, Bukit Bintang, KL..

Acara ini bertujuan memperingati ulang tahun kemerdekaan Qatar serta memperkuat hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

SETIAUSAHA AGUNG WADAH HADIR KE PROGRAM RETREAT KOORDINATOR BERKAITAN MOSQUE TOUR GUIDE (MTG) MASJID SELURUH NEGARA



Tn. Hj. Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH telah hadir ke program retreat koordinator MTG Masjid seluruh Negara anjuran Islamic Outreach, di Tamu Hotel, Kuala Lumpur.

Retreat ini bertujuan meningkatkan keberkesanan MTG sebagai platform dakwah kepada pelawat tempatan dan antarabangsa

PRESIDEN MEMBERI TAKLIMAT KEPADA PEGAWAI KEMENTERIAN PENDIDIKAN AFGHANISTAN DI KUALA LUMPUR



Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH hadir dan menyampaikan taklimat kepada pegawai Kementerian Pendidikan Afghanistan di Kuala Lumpur.



SETIAUSAHA AGUNG WADAH HADIR KE KARNIVAL HARMONI BERSAMA IOAC DAN MAIS DI MASJID SHAH ALAM

Tn. Hj. Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH hadir ke Karnival Harmoni bertempat di Masjid Shah Alam, Selangor



PRESIDEN WADAH HADIR DI MESYUARAT MAIM YADIM, DI PUTRAJAYA



Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH hadir mesyuarat anjuran MAIM, YADIM bertempat di Putrajaya.



WAKIL PIMPINAN WADAH KE MAAHAD DERANG, KEDAH UNTUK MISI BANTUAN BANJIR

Wakil pimpinan WADAH, En. Amidi Abdul Manan turun bersama di Maahad Derang Kedah dalam misi bantuan Banjir.



PROF. DATO' DR. MOHAMAD FAUZAN PIMPINAN WADAH MEWAKILI IIIT MENERIMA NGO TERBAIK ANJURAN YADIM



Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan, selaku Pimpinan Wadah, mewakili International Institute of Islamic Thought (IIIT) dalam menerima Anugerah NGO Terbaik yang dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

PROGRAM DI ISLAMIC OUTREACH BERSAMA MUALAF



Setiausaha Agung WADAH, Tn. Hj. Azizuddin Ahmad hadir bersama dalam program bersama muallaf bertempat di Islamic Outreach, Bukit Bintang Kuala Lumpur.



PERMUKIMAN AHLI JAWATANKUASA WADAH PUSAT



13-15 Disember 2024 - Permukiman Ahli jawatankuasa Pusat telah diadakan pada 13 hingga 15 Disember 2024 bertempat di Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur.

Kehadiran seramai 20 orang pimpinan Wadah yang telah hadir. Program ini bertujuan untuk memperkuuh strategi organisasi dan meningkatkan keupayaan kepemimpinan dalam mendepani cabaran semasa.

Permukiman ini melibatkan sesi perbincangan mendalam termasuk analisis cabaran organisasi, strategi masa depan, dan usaha memperkuuh peranan Wadah dalam masyarakat.

Beberapa cadangan dan resolusi penting telah disepakati. Di samping itu, program ini juga menjadi platform untuk mempererat hubungan antara ahli jawatankuasa, memperkuuh semangat kerja berpasukan, dan merancang inisiatif yang lebih berkesan.



PERTEMUAN PIMPINAN WADAH BERSAMA DR. ANIS AHMAD



15 Disember 2024 -Pimpinan WADAH telah membuat pertemuan bersama Dr. Anis Ahmad Naib Canselor Universiti Antarabangsa Riphah, Islamabad, Pakistan.



PERTEMUAN PIMPINAN WADAH BERSAMA DR. SYAFIQUR RAHMAN



15 Disember 2024 -Pimpinan WADAH telah membuat pertemuan bersama Dr. Syafiqur Rahman. Tujuan pertemuan diadakan untuk memperkuat kolaborasi dan membahas agenda strategik organisasi dalam menghadapi tantangan masa depan.



SETIAUSAHA AGUNG WADAH MEMBUAT KUNJUNGAN HORMAT KE PUSAT IDEA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pada 23 Dec, Setiausaha Agung, Azizuddin Ahmad membuat kunjung hormat ke PUSAT IDEA UKM. Pusat ini diketuai oleh Prof Dr Jamia Azdina Jamal . Salah satu peranan ialah menyelaras usaha menterjemah hasil penyelidikan untuk manfaat pihak berkepentingan. Turut serta dari IDEA UKM ialah timbalan pengarah, Prof Madya Dr WAN Zawiah Wan Zin dan Prof Madya Dr Salasiah Hanin. Manakala, Pn Arina dan Sdri Fatimah daripada pihak WADAH.

WADAH berharapa dengan pertemuan ini boleh memberikan input kajian yang bersesuaian dengan kerja -kerja dakwah. Dan menjadikan IDEA UKM sebagai rakan strategik untuk mengumpul cendikiawan muda dalam wacana-wacana madani.



SETIAUSAHA AGUNG WADAH HADIR KE BENGKEL PENGURUSAN STRATEGIK WADAH MELAKA



28 Dis 2024 - Setiausaha Agung WADAH, YBhg. Tn. Hj. Azizuddin Ahmad telah menghadiri Bengkel Pengurusan Strategik WADAH Melaka yang diadakan di Kem Permata Resort pada 28 Dis 2024. Bengkel ini bertujuan untuk memperkuatkkan strategi pengurusan organisasi, memperkemas hala tuju gerakan, dan meningkatkan keupayaan ahli dalam merancang serta melaksanakan program secara efektif.

Dalam ucapannya, Setiausaha Agung menekankan kepentingan pengurusan strategik dalam memastikan WADAH terus relevan dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran semasa. Beliau turut berkongsi pandangan serta memberikan panduan kepada para peserta.

KULIAH TAFSIR TANWIRI



Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah menganjurkan kuliah "Tafsir Tanwiri" bertempat di Anjung Rahmat. Program ini bertujuan untuk mendalami pengajian Al-Quran melalui pendekatan tafsir yang kontemporari dan mudah difahami.



PROGRAM KOMUNITI KELUARGA CERIA, SIHAT DAN BAHAGIA




Pada 28 Disember 2024 telah berlangsung Program Komuniti bertemakan "Keluarga Ceria, Sihat & Bahagia" bertempat di Dewan Al- Bakri., Surau Silaturrahim PPR Seri Alam. Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk memperkuuhkan hubungan kekeluargaan serta mempromosikan gaya hidup sihat dan bahagia dalam kalangan masyarakat.

PROGRAM BULANAN WADAH

PROGRAM AFALA YATADABBAARUNAL QURAN



USRah ANJUNG RAHMAT



KELAS PENGAJIAN AL-QURAN



LEMPARAN KAYU SINWAR

SEMPENA MUKTAMAR NASIONAL KE-18 WADAH

LEMPARAN KAYU SINWAR

LEMPARAN KAYU SEBELUM SYAHID MENJEMPUTMU,
ADALAH LAMBANG
PERJUANGAN SEPANJANG HAYAT,
TITIK MATI PERJUANGAN,
KAU ABADIKAN DALAM MEMORI UMAT,
PERJUANGAN ITU PENGORBANAN SEGALA,
PENJAJAHAN ITU PERHAMBAAN,
TAK MUNGKIN MERDEKA CUMA-CUMA,
KEPADAI SI BACUL DAN PENGECHUT,
MENJILAT-JILAT MOHON SIMPATI,
MENGADAI CEBISAN MARUAH YANG MASIH BERBAKI.



LEMPARAN KAYU SINWAR,
MEMBAKAR JIWA YANG BERSELIMUT,
MEMBANGKIT SEMANGAT HATI NURANI YANG MASIH
ADA RUH,
TANPA MENGIRA BANGSA DAN AGAMA,
PALESTIN PASTI AKAN MERDEKA,
LAMBANG SEBUAH
KEBANGKITAN,
PENGORBANAN RIBUAN JIWA YANG TAK SIA-SIA,
KERNA SYURGA MENANTI.



LEMPARAN KAYU SINWAR,
TANDA BERAKHIRNYA 100 TAHUN PENDERITAAN
UMAT AKIBAT PENJAJAHAN,



LEMPARAN KAYU SINWAR,
LAMBANG PERJUANGAN,
LAMBANG KEMERDEKAAN,
ERTI KEMATIAN YANG MENGHIDUPKAN!
ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR!

(AHMAD AZAM AB RAHMAN 26102024)
TAJUK LAGU : LEMPARAN KAYU SINWAR
LIRIK : ADAPTASI SAJAK DATO HAJI AHMAD AZAM

